

PERSEPSI GURU DAN PELAJAR TERHADAP PERLAKUAN BULI DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DAERAH BATU PAHAT

PROF. MADYA DR. AZIZI BIN HJ YAHAYA
ABDUL LATIF AHMAD
NORA MISLAN
FAKULTI PENDIDIKAN
UTM

PENGENALAN

- Sekolah diharapkan untuk menjadi institusi bagi membentuk jati diri dan pengisian ilmu.
- Beberapa insiden perlanggaran disiplin dan perlakuan buli yang serius kebelakangan ini telah mencemarkan harapan dan aspirasi ini.
- Permasalahan ini perlu ditangani segera.

LATAR BELAKANG MASALAH

- Insiden-insiden tingkah laku aggressif, buli, budaya samseng serta keganasan yang kian meningkat memberi cabaran yang besar kepada pihak sekolah yang seberapa daya cuba untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang sihat kepada para pelajar.
- Buli yang merupakan subset kepada aggressif telah dikenalpasti sebagai masalah yang boleh memberi impak kepada kesihatan fizikal dan psikologikal individu yang kerap dibuli dan juga kepada mereka yang memb уни rakan sebaya semasa usia muda (Batsche & Knoff, 1994).
- Jenis perlakuan buli yang paling kerap dilaporkan adalah mencemuh dan panggilan nama, diikuti oleh memukul dan menyepak, dan ancaman-ancaman lain (Stephenson dan Smith, 1989; Sharp dan Smith, 1991; Hoover et al., 1992; Zindi, 1994).

PERNYATAAN MASALAH

- Implikasi yang sangat besar terhadap emosi, pertumbuhan, perkembangan dan keselamatan pelajar.
- Memerlukan pencegahan dan intervensi.
- Persepsi yang tepat tentang perlakuan, jenis, kesan dan punca perlakuan buli dapat membantu menangani masalah ini.
- Persekutaran sekolah yang selamat dapat menjana proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan

PERSOALAN KAJIAN

- ★ Apakah kekerapan perlakuan buli yang dialami oleh pelajar di sekolah menengah?
- ★ Apakah persepsi pelajar dan guru tentang perlakuan buli di sekolah menengah?
- ★ Apakah jenis perlakuan buli yang terdapat di sekolah menengah?
- ★ Apakah program-program intervensi yang dijalankan oleh pihak sekolah bagi menangani masalah perlakuan buli di sekolah menengah?
- ★ Apakah persepsi pelajar terhadap isu-isu keselamatan di sekolah menengah?
- ★ Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara program intervensi dengan kekerapan perlakuan buli di sekolah menengah?
- ★ Apakah persepsi pelajar dan guru tentang keperluan pencegahan perlakuan buli di sekolah?
- ★ Apakah persepsi pelajar dan guru tentang alasan untuk membuli?

RASIONAL KAJIAN

- Mendapatkan gambaran tentang kekerapan, jenis, lokasi dan persepsi tentang perlakuan buli di sekolah menengah.
- Panduan dan rujukan kepada pihak-pihak tertentu untuk merangka strategi pencegahan dan intervensi, menilai semula kurikulum, peraturan dan sistem persekolahan sedia ada.
- Membantu pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan menangani serta membendung masalah perlakuan buli di sekolah menengah.

SKOP KAJIAN

- Fokus kepada kekerapan perlakuan buli di sekolah menengah daripada perseptif guru dan pelajar.
- Menumpukan kepada pemboleh ubah bebas yang terdiri daripada:
 1. Kekerapan perlakuan buli
 2. Jenis perlakuan buli
 3. Persepsi guru dan pelajar tentang perlakuan buli
 4. Lokasi perlakuan buli
 5. Persepsi pelajar terhadap isu-isu keselamatan di sekolah
 6. Program intervensi

METODOLOGI KAJIAN

1. REKA BENTUK KAJIAN;

- Jenis penyelidikan deskriptif yang digunakan dalam kajian ini adalah jenis tinjauan.
- Tinjauan sampel dilakukan untuk mengumpulkan maklumat-maklumat berkenaan perlakuan buli di sekolah menengah.
- Maklumat-maklumat juga diperolehi berdasarkan kepada jawapan soal selidik yang dijalankan dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang telah ditentukan.

METODOLOGI KAJIAN

2. TEMPAT KAJIAN;

Kajian dilakukan di lapan buah sekolah menengah yang berbeza latar belakang di daerah Batu Pahat, Johor. Sekolah-sekolah tersebut adalah SMK Senggarang, SMK Tun Ismail, SMK Seri Gading, SMK Yong Peng, SMK Tun Aminah, SM Tinggi Batu Pahat, SMK Semerah, SMK Dato, Sulaiman

3. SAMPEL KAJIAN;

Sampel kajian terdiri daripada 80 orang guru, 240 org pelajar lelaki dan 240 orang pelajar perempuan.
Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan.

METODOLOGI KAJIAN

4. INSTRUMENTASI

- Dua set soal selidik digunakan;

4.1: Soal Selidik Sifat dan Kekerapan Perlakuan Buli di Sekolah (Soal Selidik Pelajar)

4.2: Soal Selidik Sifat dan Kekerapan Perlakuan Buli di Sekolah (Soal Selidik Guru)

i

i

DAPATAN

Persepsi Pelajar Tentang Perlakuan Buli

1. Persepsi alasan membuli pelajar berada pada tahap SEDERHANA
2. Menyakitkan hati (alasan buli paling utama)
3. Persepsi terhadap menentang dan menghentikan perlakuan buli berada pada tahap yang tinggi. Keinginan utk mencederakan / mengganggu pelajar lain mencatat skor paling rendah. (Disokong oleh Boulton M.J. et al, 2002, Salmivalli, 2001)
4. Persepsi pelajar terhadap pencegahan buli berada pada tahap yang tinggi.
5. Persepsi pelajar terhadap isu-isu keselamatan di sekolah berada pada tahap SEDERHANA manakala Vandalisma merupakan isu keselamatan yg paling serius mengikut persepsi pelajar (Selari dgn Anda & Diane, 1999)

DAPATAN

Kekerapan dan Kategori (jenis) Perlakuan Buli Mengikut Persepsi Guru

1. Tahap kekerapan perlakuan buli berada pada tahap yg RENDAH – berbeza dgn laporan pelajar.
2. Buli verbal dilihat sebagai paling kerap berbanding buli fizikal (Bertentangan dgn Hazler et, al. 2001- fizikal lebih jelas berlaku). Mempersenda merupakan perlakuan buli verbal paling kerap – berbeza dgn laporan pelajar. Mengasari merupakan buli fizikal paling kerap – berbeza dgn laporan pelajar.
3. Dalam kelas merupakan lokasi paling kerap perlakuan buli dilihat berlaku – selari dgn laporan pelajar.

DAPATAN

Program Intervensi Bagi menangani Masalah Perlakuan Buli Di Sekolah

1. Keberkesanan program intervensi bagi menangani masalah perlakuan buli berada pada tahap SEDERHANA
2. Peraturan dan Lembaga disiplin sekolah merupakan program yang paling berkesan bagi menangani masalah perlakuan buli menurut persepsi guru.
3. Penglibatan ibu bapa, komuniti dan pihak berkuasa tempatan dapat membantu sekolah menangani masalah perlakuan buli di sekolah (Disokong oleh Banks & Stephanie, 2000)

Hipotesis Kajian

1. Tidak terdapat perbezaan yg signifikan antara kekerapan perlakuan buli pelajar lelaki dengan pelajar perempuan di sek. men. daerah Batu Pahat. (Selari dgn Boulton M.J. et, al ,2002 , Salmivalli, 2001).
2. Tidak terdapat perbezaan yg signifikan antara persepsi pelajar lelaki dengan pelajar perempuan tentang perlakuan buli di sek men daerah Batu Pahat. (Bertentang dgn Salmivalli, 2001 – pelajar perempuan lebih bersedia untuk menentang perlakuan buli berbanding pelajar lelaki: Gumpel & Meadan, 2000 – pelajar perempuan melihat buli verbal sebagai ancaman yg memudaratkan berbanding pelajar lelaki

Hipotesis Kajian

3. Terdapat perbezaan yg signifikan antara kekerapan perlakuan buli secara verbal dengan perlakuan buli secara fizikal di kalangan pelajar sek. men. daerah Batu Pahat. (Selari dgn Crozier & Skliopidou, 2002 ; Demaray et, al 2003)
4. Terdapat hubungan yg signifikan antara program intervensi dengan kekerapan perlakuan buli di sek men daerah Batu Pahat. (Selari dgn Smith & Shu, 2000) (Bertentang dgn Stevens, Bourdeudhuij & Oost, 2000 – penghasilan sifar di sek men)
5. Terdapat perbezaan yg signifikan antara persepsi pelajar lelaki dengan pelajar perempuan tentang isu-isu keselamatan di sek men daerah Batu Pahat. (Selari dgn Henson, Massey & Amstrong, 2002)

RUMUSAN

1. Guru dan pelajar mempunyai persepsi yg berbeza berkenaan tahap kekerapan perlakuan buli dan alasan membuli.
2. Guru dan pelajar sepandapat tentang jenis perlakuan buli dan perlunya saling berkerjasama bagi menghentikan masalah perlakuan buli di sekolah. Perlakuan buli secara verbal merupakan perlakuan buli yg paling kerap di sekolah berbanding perlakuan buli secara fizikal
3. Perlakuan buli dilihat sebagai bentuk yg tidak diterima oleh semua pihak di sekolah.

RUMUSAN

4. Pelajar sangat berupaya untuk menentang dan menghentikan perlakuan buli di sekolah.
Keinginan untuk mencederakan / mengganggu pelajar lain berada pada tahap yang rendah
5. Rakan merupakan orang yg paling kerap dirujuk oleh pelajar berkenaan masalah buli di sekolah berbanding pihak lain.
6. Vandalisma merupakan isu keselamatan yg paling serius di sekolah.

RUMUSAN

7. Menurut persepsi guru, program intervensi berdasarkan sekolah (peraturan sek & Lembaga Disiplin Sek) merupakan program yg paling berkesan menangani masalah buli di sekolah menengah daerah Batu Pahat. Penglibatan ibu bapa dan komuniti dapat membantu pihak sekolah menangani masalah buli di sekolah.
8. Peranan kaunselor di sekolah perlu ditingkatkan

CADANGAN

1. KPM dapat mewujudkan model program anti buli yg khusus – sbg rujukan dan panduan kpd sekolah.
2. KPM dapat merangka dan membentuk program latihan kpd guru-guru tentang bagaimana mengenal pasti dan menangani masalah perlakuan buli di sekolah.
3. Pihak pengurusan sekolah dapat mewujudkan dasar yg tidak bertoleransi terhadap perlakuan buli di sekolah secara resmi. Pihak sekolah perlu mananamkan kesedaran dan melatih pelajar dengan kemahiran khusus untuk mengenal pasti dan menangani masalah perlakuan buli di sekolah.
4. Ibu bapa perlu dilibatkan dalam setiap program intervensi yg dijalankan oleh pihak sekolah.
5. Penglibatan komuniti atau pihak-pihak berkuasa tempatan adalah perlu untuk memantau kegiatan pelajar di luar waktu persekolahan



SEKIAN
TERIMA KASIH